



KERATAN AKHBAR

KHBAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	23/12/2016	MUKA SURAT	:	22
JABATAN	:	NRE / BAUKSIT / BMG			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Putrajaya

**Tempoh moratorium
dilanjut kali keempat**

Tempoh moratorium bagi perlombongan dan pengeksportan bauksit di Pahang dilanjutkan buat kali keempat untuk memberi ruang kepada usaha mengosongkan 2.95 juta tan metrik stok simpanan bauksit yang masih berbaki.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, Jemaah Menteri kelmarin memutuskan supaya moratorium dilanjutkan selama tiga bulan bermula 1 Januari hingga 31 Mac 2017.

Beliau berkata, setakat 6 Disember lalu, sebanyak 2.95 juta metrik bauksit stok simpanan masih belum dieksport.

"Kebanyakan stok simpanan itu berada dalam kawasan Felda Bukit Goh.

"Kegagalan proses pengosongan stok simpanan dalam tempoh ditetapkan disebabkan ketidakupayaan pengusaha untuk mematuhi semua syarat bagi memindahkan bauksit berkenaan ke Pelabuhan Kuantan," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Katanya, perlanjutan moratorium itu bagi membolehkan stok simpanan dikosongkan secara terkawal.